

Air sungai sekitar Kuantan **bahaya**

■ **TUAN BUQHAIKHAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh mendedahkan air sungai di kawasan Kuantan berada di tahap berbahaya akibat daripada aktiviti bauksit.

Menurutnya, laporan Jabatan Alam Sekitar Pahang bertarikh 24 Ogos lalu menunjukkan Sungai Pengorak, Sungai Riau dan Sungai Mabok mengandungi kandungan alluminium, arsenik dan merkuri.

"Laporan itu menunjukkan air sungai tersebut berada di tahap lima yang mana ia boleh mendatangkan penyakit kepada penduduk," katanya.

Beliau berkata, Sungai Riau merupakan sumber air bagi penduduk Bukit Goh.

"Oleh kerana kandungan bahan merbahaya yang

tinggi, air sungai tersebut tidak selamat.

"Jika disentuh pun boleh mendatangkan penyakit. Bayangkan jika ia diminum," katanya.

Fuziah turut melahirkan rasa kekecewaannya terhadap kerajaan negeri dan Persekutuan yang tidak memberi sebarang maklum balas terhadap isu berkenaan.

"Dalam perbahasan di Dewan Rakyat, saya ada membangkitkan mengenai kualiti air sungai yang sudah mencapai tahap lima tetapi ia dinafikan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar," katanya.

Menurutnya, isu bauksit merupakan isu nasional yang memerlukan perhatian semua pihak.

"Sungai-sungai berkenaan menjadi tempat nelayan untuk menangkap udang galah dan sebagainya untuk dipasarkan ke seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, penduduk sekitar Kuantan turut membangkitkan kemarahan mereka mengenai aktiviti perlombongan tersebut.

"Penduduk terpaksa mengambil tindakan sendiri dengan membakar lima lori bauksit kerana sudah tidak tahan dengan pelbagai masalah.

"Mereka sudah tidak tahan dengan masalah jalan berlubang, habuk, keselamatan, kini ditambah pula dengan pencemaran air yang berlaku," katanya pada sidang media di Parlimen semalam.

Fuziah berkata, sekiranya masalah bauksit gagal diselesaikan, ia dikhuatiri akan mendatangkan masalah kepada generasi masa depan.

"Ia juga boleh mendatangkan bahaya kepada bayi di dalam kandungan sekiranya terdedah dengan kandungan merbahaya berkenaan," katanya.



FUZIAH